

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 5 (8)

7 Ogos 2026
23 Safar 1448

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 45/2026

PEMAKAIAN POLISI KESELAMATAN SIBER UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 142 pada 6 Mac 2026 telah meluluskan cadangan Polisi Keselamatan Siber, Universiti Teknologi Malaysia.

2. Polisi ini disediakan sebagai panduan kepada Universiti dalam mengurus dan melindungi sistem, perkhidmatan dan aset digital Universiti daripada ancaman keselamatan siber. Polisi ini juga bertujuan memastikan semua pengguna, termasuk warga universiti, vendor digital, pelawat dan rakan strategik yang menggunakan atau mengurus aset digital Universiti, mematuhi prinsip, kawalan dan amalan keselamatan siber yang telah ditetapkan bagi menjamin kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat serta kesinambungan penyampaian perkhidmatan digital Universiti.

3. Sehubungan dengan itu, semua warga Universiti diminta mengambil maklum mengenai pemakaian Polisi Keselamatan Siber Universiti Teknologi Malaysia. Pemakaian polisi ini berkuat kuasa pada 1 Ogos 2026.


4. Polisi Keselamatan Siber UTM boleh dimuat turun melalui Portal MyUTM di pautan Policy and Legislative di <https://rdpp.utm.my/Repo/>

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Polisi Keselamatan Siber Universiti Teknologi Malaysia

Nama Polisi : Polisi Keselamatan Siber Universiti Teknologi Malaysia
Nombor Polisi : rdpp/2026/0001
Diluluskan Oleh : Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 142, 6 Mac 2026
Tarikh Kuat kuasa : 1 Ogos 2026
Pautan Rasmi : <https://rdpp.utm.my/Repo>

SEKSYEN 1 : PENGENALAN

1.1 TUJUAN

Polisi ini menetapkan rangka strategik keselamatan siber UTM bagi melindungi aset digital, mengurus risiko siber dan memastikan kesinambungan operasi digital. Polisi ini selaras dengan ISO/IEC 27001:2022 dan membentuk budaya keselamatan maklumat yang menyeluruh di seluruh universiti.

1.2 SKOP KUATKUASA PEMAKAIAN POLISI

Polisi ini terpakai bagi semua penggunaan sistem, perkhidmatan dan aset digital UTM oleh warga universiti, vendor digital, pelawat dan rakan strategik, bagi memastikan pematuhan prinsip keselamatan digital secara menyeluruh.

1.3 DASAR DAN POLISI BERKAITAN

Polisi ini menyokong pelaksanaan penuh ISMS UTM serta selari dengan Pelan Strategik Pendigitalan UTM 2024–2028 dan dasar berkaitan tadbir urus digital universiti.

1.4 PRINSIP POLISI

- 1.4.1 Menyediakan akses maklumat terhad kepada pihak yang diberi kuasa, bagi mengelakkan sebarang kebocoran, pencerobohan, atau penyalahgunaan.
- 1.4.2 Menjamin ketepatan dan keutuhan maklumat dengan mencegah sebarang pengubahan tanpa kebenaran dan tidak sah.
- 1.4.3 Memastikan aset digital universiti boleh diakses apabila diperlukan bagi menjamin kelangsungan operasi dan perkhidmatan.
- 1.4.4 Memastikan setiap tindakan terhadap aset maklumat boleh dikesan, direkod dan dipertanggungjawabkan secara telus dan berintegriti.
- 1.4.5 Menyediakan perlindungan menyeluruh melalui pendekatan Kawalan Berlapis (Defence-in-Depth) yang melibatkan kawalan teknikal, fizikal dan organisasi secara saling melengkapi.

- 1.4.6 Melaksanakan semakan dan penambahbaikan polisi secara berkala berdasarkan penilaian risiko, hasil audit dan perkembangan teknologi semasa.

1.5 DEFINISI

Perkataan/Istilah/singkatan	Definisi
Akauntabiliti	Setiap tindakan terhadap sistem atau maklumat digital direkodkan dan boleh dipertanggungjawabkan bagi memastikan ketelusan serta kawalan berkesan dalam tadbir urus institusi.
Aset Digital	Merangkumi maklumat, sistem, perisian, peranti, dan rangkaian yang digunakan untuk menyokong aktiviti akademik, penyelidikan, pentadbiran dan operasi digital UTM.
Information Security Management System) (ISMS)	Rangka kerja sistematik yang digunakan untuk mengurus keselamatan maklumat secara menyeluruh berdasarkan piawaian antarabangsa ISO/IEC 27001:2022.
Integriti	Keutuhan dan ketepatan maklumat digital yang dipelihara daripada sebarang pengubahsuaian tidak sah, sama ada secara sengaja mahupun tidak sengaja.
Kawalan Berlapis	Pendekatan pertahanan yang melibatkan pelbagai lapisan kawalan teknikal, fizikal dan pentadbiran bagi mengukuhkan keselamatan sistem digital universiti.
Kerahsiaan	Had akses maklumat hanya kepada pihak yang diberi kuasa, bagi mengelakkan kebocoran atau penyalahgunaan maklumat rasmi universiti.
Keselamatan Siber	Amalan perlindungan menyeluruh ke atas sistem, maklumat dan persekitaran digital universiti daripada ancaman siber dalaman dan luaran.
Kesinambungan Perkhidmatan Digital	Keupayaan sistem digital UTM untuk kekal berfungsi atau pulih dengan cepat dalam situasi krisis atau gangguan teknologi.
Ketersediaan	Keupayaan sistem digital untuk beroperasi dan diakses pada bila-bila masa bagi menyokong kelangsungan fungsi universiti.

Perkataan/Istilah/singkatan	Definisi
Persekitaran Digital	Keseluruhan ekosistem teknologi maklumat universiti yang merangkumi sistem aplikasi, rangkaian, platform awan dan infrastruktur digital.
Vendor Digital	Penyedia luar yang menyokong pembangunan, penyelenggaraan atau keselamatan sistem digital UTM berdasarkan kontrak dan pematuhan piawaian.
Warga Universiti	Semua staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar UTM.

1.6 KONTEKS PERUNDANGAN

Nama Dokumen	Klausa Rujukan
Akta Keselamatan Siber 2024 (Akta 854)	Keseluruhan dokumen
Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588)	Keseluruhan dokumen
Akta Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2025 (Akta A1743)	Keseluruhan dokumen
Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709)	Keseluruhan dokumen
Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 (Akta 1727)	Keseluruhan dokumen
Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)	Keseluruhan dokumen
Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)	Keseluruhan dokumen
Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30)	Keseluruhan dokumen
Dasar Keselamatan Negara 2021-2025	Keseluruhan dokumen
Strategi Keselamatan Siber Malaysia 2020-2024	Keseluruhan dokumen
Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2021 (Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan (Cloud Computing) Dalam Perkhidmatan Awam)	Keseluruhan dokumen

Bab IV Pengurusan Rekod, Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]	Keseluruhan dokumen
Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007 (Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan)	Keseluruhan dokumen
Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2025 (Garis Panduan Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam - Business Continuity Management)	Keseluruhan dokumen
Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2022 (Garis Panduan Sanitasi Media Elektronik dalam Perkhidmatan Awam)	Keseluruhan dokumen
Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2022 (Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Penggunaan Video (Video Conferencing) dalam Perkhidmatan Awam)	Keseluruhan dokumen

SEKSYEN 2 : PERNYATAAN POLISI

- 2.1 UTM hendaklah melindungi maklumat dan sistem digital universiti daripada akses tanpa kebenaran, kehilangan, kerosakan atau penyalahgunaan melalui kawalan yang teratur dan amalan keselamatan sendiri oleh semua warga UTM.
- 2.2 UTM hendaklah menetapkan tahap akses digital yang jelas mengikut prinsip keperluan minimum dan memastikan penggunaan sistem berdasarkan mandat kerja, kepercayaan dan pematuhan kepada garis panduan universiti.
- 2.3 UTM hendaklah menggalakkan penggunaan teknologi digital secara profesional, berhemah dan beretika serta menanam nilai akauntabiliti dalam setiap penggunaan maklumat dan sistem ICT universiti.
- 2.4 UTM hendaklah memastikan semua warga peka terhadap risiko keselamatan siber dan bertindak secara proaktif dalam mengenal pasti, melaporkan dan menangani insiden untuk mengurangkan impak dan mencegah kejadian berulang.
- 2.5 UTM hendaklah menjamin kesinambungan perkhidmatan digital universiti dalam sebarang situasi gangguan melalui pemantauan sistem, pemulihan data dan kesediaan operasi.
- 2.6 UTM hendaklah memastikan pematuhan oleh vendor digital dan pihak berkepentingan luar yang terlibat dengan sistem universiti terhadap prinsip keselamatan dan kerahsiaan yang ditetapkan oleh UTM.

SEKSYEN 3 : PELAKSANA POLISI

PUSAT TANGGUNGJAWAB BERKAITAN

Bil.	PTJ	PERANAN STRATEGIK
1.	Pejabat Kualiti dan Transformasi Digital (UTMDX), Jabatan Canseleri	Menyedia, mengurus dan memantau infrastruktur digital secara selamat; memastikan perolehan teknologi mematuhi piawaian keselamatan; menyokong pengguna dengan latihan dan sokongan teknikal.
2.	Jawatankuasa Keselamatan Siber UTM	Menjadi pusat rujukan insiden siber; menerima dan mengurus laporan ancaman; mengeluarkan panduan serta menyelia akses vendor digital dan pihak ketiga. Terma rujukan dan keahlian jawatankuasa adalah seperti di Lampiran 1 : Terma Rujukan Dan Keahlian Jawatankuasa .
3.	Semua Fakulti & PTJ	Mempromosi kesedaran keselamatan digital; melindungi data dan sistem jabatan; melaksanakan penilaian risiko secara sendiri; berkolaborasi dalam pelaporan dan audit.

SEKSYEN 4 : TADBIR URUS

4.1 PEMILIK POLISI DAN PENGURUS DOKUMEN POLISI

Pemilik dan Penguatkuasa Polisi	Pejabat Kualiti dan Transformasi Digital (UTMDX), Jabatan Canseleri
Pengurus Dokumen Polisi	Ketua Seksyen Governan, Jabatan Pendaftar

4.2 KAEDAH PEMANTAUAN DAN HEBAHAN

Pemantauan dan Penambahbaikan (CQI)	1. Dokumen Polisi hendaklah disemak setiap tiga (3) tahun untuk memastikan Dokumen Polisi sentiasa relevan. 2. Sebarang pihak boleh mencadangkan pindaan Dokumen Polisi dengan cara memaklumkan kepada Pemilik Dokumen Polisi. Sebarang pindaan hendaklah merujuk
--	---

	kepada Prosedur Tadbir Urus Dokumen Polisi. 3. Pemilik Dokumen Polisi hendaklah memaklumkan kepada Pengurus Dokumen Polisi apabila berlaku sebarang pindaan kepada Dokumen Polisi.
Penyiaran / Hebahan Polisi	Polisi disebarakan kepada semua warga UTM melalui saluran rasmi seperti e-mel, portal intranet, dan sesi taklimat berkala bagi memastikan kefahaman dan pematuhan menyeluruh.

4.3 KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN

No Versi	Tarikh Diluluskan	Diluluskan oleh	Pindaan
1.0	6 Mac 2026	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU)	-

SEKSYEN 5 : DOKUMEN SOKONGAN

5.1 LAMPIRAN 1 : TERMA RUJUKAN DAN KEAHLIAN JAWATANKUASA

LAMPIRAN 1



Terma Rujukan Dan Keahlian Jawatankuasa

JAWATANKUASA KESELAMATAN SIBER UTM	
Tarikh ditubuhkan	2021
Punca Kuasa	Dasar Keselamatan ICT UTM Polisi Keselamatan Siber UTM
Kebertanggungjawaban kepada Jawatankuasa	-
Kekerapan Mesyuarat	1 bulan sekali / mengikut keperluan
Kuorum Mesyuarat	8 orang ahli
Penjenamaan Semula Jawatankuasa (Jika Ada)	-
Rujukan Minit Mesyuarat Penubuhan Jawatankuasa	Mesyuarat Kumpulan Teknikal Jawatankuasa Governan dan Dasar (JKGDU) Bil. 1/2025 pada 23 Julai 2025
Fungsi dan Bidang kuasa Jawatankuasa	1. Menerima dan mengawasi laporan berkenaan insiden keselamatan ICT dan mencadangkan tindakan yang sesuai; 2. Memberi latihan teknikal kepada pentadbir dan pengendali perkhidmatan ICT dalam aspek keselamatan ICT; 3. Mengawal dan menyelaraskan pengurusan insiden keselamatan ICT serta menyediakan garis panduan, nasihat dan prosedur dalam aspek pengurusan keselamatan ICT pelayan/peralatan ICT dan aplikasi di UTM; 4. Mengambil tindakan proaktif dan pencegahan dengan menyediakan infrastruktur keselamatan ICT serta melaksanakan ujian keselamatan pelayan/aplikasi kepada semua peralatan ICT/aplikasi yang disambung/guna dan akan disambung/guna di rangkaian UTM;

	- Menyediakan analisis, laporan dan garis panduan teknikal yang perlu dilaksanakan jika berlaku insiden keselamatan ICT; - Menyelaras respon insiden keselamatan ICT dengan pihak- pihak yang berkaitan di Malaysia seperti MyCERT, GCERT, ISPs dan agensi yang berkaitan.
Pengerusi Jawatankuasa	Penolong Naib Canselor (Kualiti & Transformasi Digital) Pejabat Kualiti dan Transformasi Digital (UTMDX)
Keahlian Jawatankuasa	- Pengarah, Pusat Infrastruktur Digital (CDI) - Pengarah, Pusat Penyelesaian Digital (CDS) - Pengarah, Pusat Kualiti & Transformasi Perkhidmatan (CSQ) - Ketua Bahagian Keselamatan Siber, CDI - Ketua Bahagian Transformasi Digital, UTM Kuala Lumpur - Enam (6) orang ahli daripada UTMDX (staf yang melaksanakan kerja berkaitan keselamatan siber) yang dilantik - Tujuh (7) ahli jemputan (Pakar Rujuk / Wakil PTJ)
Urus setia	Pejabat Kualiti dan Transformasi Digital (UTMDX), Jabatan Canseleri
Sumber Rujukan	-
Dokumen Perundangan dan Dokumen Polisi	- Akta Keselamatan Siber (Cyber Security Act 2024)(Akta 854) - Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) - Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) - Akta Rahsia Rasmi 1972 - Akta Universiti dan Kolej Universiti - Arahan Keselamatan Kerajaan Malaysia - Dasar Keselamatan Negara 2021– 2025 - Dasar Keselamatan Siber Negara (DKSN) - ISO/IEC 27001:2022 – Information Security Management System - Malaysia Cyber Security Strategy 2020–2024